UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

**HIS 404 Kajian Ayat-Ayat Hukum**

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.**

Jawab **TIGA [3]** soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Sila pelihara kertas soalan ini dengan baik kerana ia mengandungi ayat-ayat suci al-Qur'an.

1. Firman Allah s.w.t.:

الزانية والزانى فاجلدوا كل واحد منهما مائة جلدة ولا تأخذكم بهما رأفة فى دين الله إن كنتم تؤمنون بالله واليوم الآخر. وليشهد عذابهما طائفة من المؤمنين. الزانى لاينكح إلا زانية أو مشركة والزانية لا ينكحها إلا زان أو مشرك وحرم ذلك على المؤمنين.

(سورة النور ٢ ـ ٢)

[a] Terjemahkan ayat di atas ke dalam bahasa Melayu dan terangkan suasana penurunannya.

[b] Terangkan sebab-sebab diharamkan zina dalam perundangan Islam.

[c] Nyatakan perbezaan hukuman ḥudud yang dikenakan ke atas penzina yang masih bujang dan penzina yang muḥṣan serta sebab perbezaan tersebut.

[d] Terangkan cara-cara yang ditetapkan dalam perundangan Islam untuk mensabitkan jenayah zina.

.../2

2. Firman Allah s.w.t.:

ولا تؤتوا السفهاء أموالكم التى جعل الله لكم قياما وارزقوهم فيها واكسوهم وقولوا لهم قولا معروفا. وابتلوا اليتامى حتى بلغوا النكاح، فإن آنستم منهم رشدا فادفعوا إليهم أموالهم، ولا تأكلوها إسرافا وبدارا أن يكبروا، ومن كان غنيا فليستعفف، ومن كان فقيرا فليأكل بالمعروف، فإذا دفعتم إليهم أموالهم فأشهدوا عليهم، وكفى بالله حسيبا.

(سورة النساء ٥ـ٦)

[a] Terjemahkan ayat-ayat di atas ke dalam bahasa Melayu serta terangkan suasana penurunannya.

[b] Terangkan pendapat 'ulama tentang maksud perkataan " السّفهاء " dalam ayat berkenaan.

[c] Terangkan pendapat 'ulama tentang sebab-sebab yang membolehkan penahanan harta terhadap pemiliknya yang disebut sebagai " الحجر على السفيه " di dalam kitab-kitab Fiqh.

[d] Nyatakan perkara-perkara yang boleh diambil pengajaran daripada ayat-ayat berkenaan.

3. Firman Allah s.w.t.:

اليوم أحل لكم الطيبات وطعام الذين أوتوا الكتاب حل لكم وطعامكم حل لهم، والمحصنات من المؤمنات والمحصنات من الذين أوتوا الكتاب من قبلكم إذا آتيتموهن أجورهن محصنين غير مسافحين ولا متخذى أخدان، ومن يكفر بالإيمان فقد حبط عمله وهو فى الآخرة من الخاسرين .

(سورة المائدة: ٥)

[a] Terangkan makna-makna <u>mufradat</u> bagi perkataan-perkataan yang bergaris bawah.

[b] Terangkan pandangan 'ulama tentang hukum memakan sembelihan Ahl al-Kitab.

[c] Bincangkan tentang masalah perkahwinan lelaki dan wanita Islam dengan lelaki dan wanita Ahl al-Kitab.

[d] Nyatakan perkara-perkara yang dapat dirumus daripada ayat di atas.

.../3

4. Firman Allah s.w.t.:

يأأيها الذين آمنوا كلوا من طيبات مارزقناكم واشكروا لله إن كنتم إياه تعبدون. إنما حرم عليكم الميتة والدم ولحم الخنزير وما أهل لغير الله. فمن اضطر غير باغ ولا عاد فلا إثم عليه، إن الله غفور رحيم.

(سورة البقرة: ١٧٢ـ ١٧٣)

[a] Terangkan makna-makna mufradat bagi perkataan-perkataan yang bergaris bawah.

[b] Bincangkan tentang perkara-perkara yang diharamkan ke atas orang yang beriman memakannya berdasarkan kepada ayat di atas dan jelaskan kaitannya dengan ayat-ayat al-Qur'an yang lain dalam isu yang sama.

[c] Jelaskan pandangan ahli-ahli Fiqh tentang memanfaatkan bangkai selain dagingnya dan tentang hukum memakan bangkai ketika terpaksa.

[d] Terangkan tentang rahsia atau hikmah di balik pengharaman memakan perkara-perkara yang disebutkan di dalam ayat-ayat al-Qur'an yang bekenaan.

5. Firman Allah s.w.t.:

يأأيها النبى قل لأزواجك وبناتك ونساء المؤمنين يدنين عليهن من جلابيبهن، ذلك أدنى أن يعرفن فلا يؤذين، وكان الله غفورا رحيما.

(سورة الأحزاب: ٥٩)

[a] Terjemahkan ayat di atas ke dalam bahasa Melayu dan nyatakan suasana penurunannya.

[b] Terangkan pengertian ḥijāb yang diwajibkan ke atas wanita Islam serta perbezaan pandangan 'ulama tentang kaifiat atau cara untuk memenuhi tuntutan tersebut.

[c] Nyatakan syarat-syarat yang diperlukan pada Ḥijāb Syar'i.

[d] Bincangkan pendapat yang menganggap bahawa ḥijāb wanita Islam bukan suatu tuntutan syara', tetapi hanya merupakan sebahagian teradisi bangsa Arab sahaja.

-oooOOOooo-